

**PERSONALITI LIMA UTAMA DAN TEKAD KEUSAHAWANAN
DALAM KALANGAN PELAJAR PRA UNIVERSITI
DI SEKOLAH SUKAN MALAYSIA**

NIK ADLINA BINTI NIK ABDUL ADEL

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN PENGURUSAN PERNIAGAAN
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2019**



ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti personaliti lima utama dan tekad keusahawanan pelajar pra universiti di Sekolah Sukan Malaysia. Model Personaliti Lima Utama dan Teori Tingkah Laku Terancang digunakan dalam kajian ini. Pengkaji mengaplikasikan pendekatan kuantitatif menggunakan kaedah tinjauan. Pemilihan sampel dibuat berdasarkan pensampelan rawak mudah mengikut pembahagian berkadaran dengan menggunakan soal selidik. 127 responden yang terdiri daripada pelajar pra universiti di Sekolah Sukan Bukit Jalil, Sekolah Sukan Tengku Mahkota Ismail dan Sekolah Sukan Malaysia Pahang dipilih sebagai sampel kajian. Analisis deskriptif dan inferensi iaitu analisis ujian-t, analisis korelasi serta analisis regresi berganda digunakan untuk menganalisis data. Nilai min bagi tahap personaliti lima utama ialah 3.94 dan tahap tekad keusahawanan adalah 3.40. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap personaliti berdasarkan jantina dalam kalangan pelajar pra universiti di Sekolah Sukan Malaysia ($t=0.46$, $p>0.05$). Manakala, terdapat perbezaan yang signifikan bagi tekad keusahawanan mengikut jantina ($t=3.03$, $p<0.05$). Kajian ini mendapati terdapat hubungan positif yang signifikan bagi personaliti lima utama dengan tekad keusahawanan dalam kalangan pelajar pra universiti di Sekolah Sukan Malaysia ($r=0.63$, $p<0.05$). Selain itu, personaliti lima utama turut menyumbang secara signifikan terhadap tekad keusahawanan ($\beta=1.15$, $p<0.05$) dan personaliti ekstrasversi menunjukkan pengaruh yang paling tinggi iaitu 34.5% terhadap tekad keusahawanan pelajar pra-universiti di Sekolah Sukan Malaysia. Oleh yang demikian, personaliti lima utama perlu digarap dengan baik supaya tekad keusahawanan pelajar Sekolah Sukan di Malaysia akan lebih terserlah, justeru berpotensi melahirkan lebih ramai bakal usahawan dalam kalangan atlet sukan.





FIVE-FACTOR PERSONALITY AND ENTREPRENEURIAL INTENTION AMONG PRE-UNIVERSITY STUDENTS IN MALAYSIAN SPORTS SCHOOL

ABSTRACT

This study was conducted to identify five-factor personality and entrepreneurial intention among pre-university students in Malaysian Sports School. Five-Factor Personality Model and Theory of Planned Behaviour were used in this study. Quantitative method was applied in this study by using survey method. The sample selection was made randomly by proportional distribution using questionnaires. 127 pre-university students in Bukit Jalil Sports School, Tengku Mahkota Ismail Sports School and Malaysia Sports School Pahang were selected. Descriptive analysis and inferences namely t-test analysis, correlation analysis and multiple regressions were applied to analyse the data. Mean for personality level was at 3.94 and entrepreneurial intention level was at 3.40. The findings showed that there was no significant difference between personality level based on gender among pre-university students in Malaysian Sports School ($t=0.46$, $p>0.05$). Meanwhile, there was significant difference for the entrepreneurial intention based on gender ($t=3.03$, $p<0.05$). This study found that there is a positive significant relationship in five-factor personality trait towards entrepreneurial intention among pre university students in Malaysian Sports School ($r=0.63$, $p<0.05$). Moreover, the five-factor personality also contributed significantly towards entrepreneurial intention ($\beta=1.15$, $p<0.05$), and extraversion personality influenced the most by 34.5% contribution towards pre university students in Malaysian Sports School's entrepreneurial intention. Hence, this five-factor personality should be properly cultivated so that Malaysian Sports School students' entrepreneurial intention can be churned in order to produce more potential entrepreneurs among athletes.





BAB 1



PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Perkembangan dalam bidang keusahawanan adalah sejajar dengan transformasi negara Malaysia yang menggalakkan bidang tersebut dijadikan sebagai pemangkin untuk meningkatkan pendapatan negara yang sederhana kepada berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 (Ooi Yeng Keat & Shuhymee Ahmad, 2012) dengan merangsang pembangunan ekonomi (Faradillah Iqmar Omar & Samsudin A. Rahim, 2015; Ummi





Aishah Mohd Mustafa, Shaffe Mohd Daud, Maslinda Mohd Senon, & Nur Baizura Mohd Ismail, 2013), mencipta kekayaan dan menambah hasil Keluaran Dalam Negara Kasar (Wan Mohd Zaifurin Wan Nawang, Nor Hayati Sa'ata, Sabri Ahmad, & Ibrahim Mamat, 2016), menjana sumber pekerjaan serta menaikkan taraf hidup rakyat di Malaysia, dan juga negara-negara membangun yang lain (Syed Zamberi Ahmad & Xavier, 2012; Chiew Tung Moi, Tam Yin Ling, Mansur Tola, & Chang Mui Ling, 2011; Johansen, 2007; Hynes & Richardson, 2007b). Sehubungan itu, diharapkan agar matlamat negara kita untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020 dapat dicapai melalui platform keusahawanan.



05

Negara akan memperoleh manfaat daripada bidang keusahawanan sekiranya penyertaan generasi baharu dalam aktiviti perniagaan dapat digandakan. Ekoran itu, bilangan usahawan yang ramai sangat diperlukan pada masa kini (Mohamadi Hamidreza, Ebadallah Ahmadi, & Jahromi Shayan Amin, 2011). Menurut statistik, jumlah syarikat dan perniagaan yang didaftarkan sebanyak 1,113,465 pada tahun 2014 telah meningkat sebanyak 46,599 menjadikan keseluruhan jumlah syarikat dan perniagaan yang didaftar sebanyak 1,160,064 pada tahun 2015 dan bilangan syarikat terus melonjak naik sehingga 1,203,319 pada tahun 2016 (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, 2017). Maka untuk meningkatkan bilangan usahawan, tekad keusahawanan perlu disemai kepada para pelajar semenjak dari bangku sekolah lagi dengan memberikan pendidikan keusahawanan yang dapat mengarahkan personaliti mereka dalam bidang ini.





Dalam proses menjana usahawan, pendidikan keusahawanan sebagai pendidikan sepanjang hayat akan diberikan kepada pelajar supaya mereka mempunyai kemahiran dan pengetahuan dalam bidang ini (Abdullah, Mohd. Ibrahim, & Ramlah, 2008; Hannon, 2007), merangsang pemikiran untuk lebih kreatif (Radin Siti Aishah Radin A Rahman, Norasmah Othman, Zaidatol Akmaliah Lope Pihie, & Hariyaty Ab Wahid, 2016) serta dapat membangkitkan personaliti keusahawanan (Toledano & Urbano, 2008). Pendidikan keusahawanan perlu didedahkan kepada pelajar kerana menurut Coduras, Levie, Kelley, Saemundsson, dan Schott (2010) serta Norasmah Othman dan Muharam Gaya (2009), pelajar yang didedahkan dengan pendidikan keusahawanan mempunyai pengetahuan berkaitan latihan, bimbingan, pemasaran produk dan pembiayaan modal yang boleh membantu mereka untuk menceburi kerjaya keusahawanan dengan jayanya selepas menamatkan alam persekolahan. Ini terbukti kerana terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar yang mengambil pendidikan keusahawanan dan mereka yang tidak mempunyai pendidikan keusahawanan (Fayolle, Benoit, & Narjisse, 2007). Pendidikan keusahawanan telah didedahkan kepada pelajar pra universiti di Sekolah Sukan Malaysia semenjak mereka di tingkatan satu lagi. Maka dengan pendedahan ini, ia akan memberi peluang kepada mereka untuk mengurus kerjaya dalam bidang keusahawanan pada masa akan datang dengan lebih terancang.





Pendidikan Keusahawanan yang diterima semasa mereka bersekolah berupaya mempengaruhi pembentukan personaliti dan tekad keusahawanan mereka. Kenyataan ini disokong oleh Mohammad et al. (2009); Ab. Aziz Yusof (2009b) serta Hynes dan Richardson (2007b), yang menyatakan bahawa personaliti dapat mempengaruhi serta merangsang tekad seseorang untuk menceburi bidang keusahawanan. Personaliti keusahawanan juga dapat meningkatkan prestasi keusahawanan dalam diri mereka (Jose & Sá, 2014). Sehubungan itu, personaliti keusahawanan yang digarap perlulah selari dengan matlamat pendidikan keusahawanan sekolah iaitu untuk membentuk pelajar sebagai pencipta kerja yang berpotensi dan bukan sebagai pencari kerja (Abdul Said Ambotang et al., 2012). Oleh yang demikian, dengan adanya Pendidikan Keusahawanan, ia akan dapat membantu membentuk personaliti diri yang mantap dalam dunia keusahawanan dan seterusnya menjadikan bidang keusahawanan suatu kerjaya pilihan.

Personaliti juga akan mempengaruhi individu supaya menjurus ke arah tekad keusahawanan dalam merealisasikan impian negara untuk membentuk masyarakat yang dapat menyumbang dalam membangunkan ekonomi (Zainal Abidin Hadzir, 2013). Personaliti yang berkait dengan keusahawanan perlulah dititik beratkan kerana ia akan mengarahkan tekad keusahawanan pelajar yang tinggi dalam bidang ini. Justeru, keseluruhan penyelidikan ini akan memberi tumpuan terhadap pengenalan personaliti lima utama ke atas tekad keusahawanan dalam kalangan pelajar pra universiti di Sekolah Sukan Malaysia.





1.2 Latar Belakang Kajian

Pelajar yang memilih untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan mempunyai kelebihan kerana dengan menerima latihan dan pendidikan keusahawanan membolehkan mereka menjadi cemerlang, mempunyai ketahanan diri dan berdaya saing (Malaysia, 2010; Ab. Aziz Yusof, 2009a) di samping mendapat pendedahan dalam integrasi pengalaman, kemahiran dan pengetahuan untuk membangunkan dan mengembangkan perniagaan (Nabi & Holden, 2008; Hynes & Richardson, 2007a.) Pendidikan juga menjadikan kognitif seseorang itu lebih terbuka, produktif serta efisien yang membawa kepada pengenalan peluang keusahawanan (Gonzalez-Alvarez & Solis-Rodriguez, 2011). Kejayaan program pendidikan dan latihan keusahawanan di negara-negara lain telah terbukti dapat menarik golongan muda untuk menjadi usahawan dalam meningkatkan pembangunan ekonomi negara mereka (Heinonen, 2007; Landstrom, 2008).

Pelajar pra universiti di Sekolah Sukan Malaysia telah didedahkan dengan Pendidikan Keusahawanan. Subjek-subjek berteraskan keusahawanan di antaranya Kemahiran Hidup Bersepadu, Perdagangan dan Pengajian Perniagaan termasuk aktiviti seperti Kelab Usahawan Muda dan Koperasi Sekolah (Majlis Peperiksaan Malaysia, 1998). Sehubungan itu, pendedahan kepada subjek-subjek keusahawanan mampu membantu pelajar ini dalam memilih bidang kerjaya mereka pada masa akan datang. Ini adalah kerana pendedahan kepada Pendidikan Keusahawanan dalam kalangan pelajar





sekolah merupakan tahap umur yang sesuai untuk disemai tekad keusahawanan berbanding kalangan dewasa (Saidi Che Ik, 2013).

Burnett (2008) juga mencadangkan agar Pendidikan Keusahawanan perlu diterapkan pada awal kehidupan seseorang kerana keputusan untuk memulakan perniagaan adalah satu proses yang kompleks yang menggabungkan personaliti seseorang, peranan Pendidikan Keusahawanan, kemahiran dan peluang pekerjaan. Kenyataan ini selaras dengan tahap umur pelajar dalam program pra universiti yang diambil untuk menyambung pembelajaran di Sekolah Sukan Malaysia. Pelajar yang dipilih untuk mengikuti program ini terdiri daripada atlet murid yang mewakili negara atau berpotensi mewakili negara dalam masa terdekat dalam lingkungan umur 18 sehingga 22 tahun (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016).

Terdapat banyak kajian menunjukkan pendedahan kepada Pendidikan Keusahawanan mampu membentuk personaliti yang positif terhadap keusahawanan serta mempengaruhi tekad keusahawanan pelajar dalam memilih keusahawanan sebagai kerjaya (Chen, Chen, & Che, 2010; Joythi, 2009; Harkema & Schout, 2008). Pendedahan kepada Pendidikan Keusahawanan membuka ruang kepada pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan dan seterusnya bertekad untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan ini apabila mereka menamatkan pelajaran mereka nanti. Malahan, tekad keusahawanan perlu diterapkan dalam diri pelajar kerana ia adalah keadaan minda





seseorang yang mengarah kepada pembukaan atau penciptaan perniagaan baharu (Amran Md. Rasli, Saif Ur Rehman Khan, Shaghayegh Malekifar, & Samrena Jabeen, 2013) dengan menggunakan sumber yang ada (Aghazamani Alimohammad & Roozikhah Elham, 2010) dalam membangunkan aktiviti keusahawanan serta keupayaan diri seseorang untuk menjadi seorang usahawan (Mohd Rosli Mohamad, 2013a).

Faktor tekad adalah elemen yang paling kuat dalam menentukan tingkah laku yang dirancang iaitu pembukaan perniagaan baharu (Krueger, 1993; Ajzen, 1991). Elemen tekad penting kerana jika tekad keusahawanan pelajar tersebut tinggi maka motivasi dalam diri pelajar untuk terlibat dalam bidang keusahawanan juga adalah tinggi (Siti Nurulhuda Ibrahim, Nurul Azlinda Chek Talib, Khalilah Ibrahim, Mohd Zailani Othman & Nur Dalila Adenan, 2014). Oleh itu, tekad keusahawanan perlu digarap dalam kalangan pelajar pra universiti di Sekolah Sukan Malaysia untuk membantu mereka supaya menceburi bidang keusahawanan pada masa akan datang.

Ciri personaliti diri dan tingkah laku yang sesuai sebagai seorang usahawan juga perlu ada bagi pelajar yang ingin melibatkan diri dalam bidang keusahawanan. Kajian menunjukkan bahawa perubahan personaliti secara langsung akan mempengaruhi tekad keusahawanan dan seterusnya membantu seseorang melakukan sesuatu tingkah laku iaitu menceburi bidang keusahawanan (Kerrick, 2008; Souitaris, Zerbinati, dan A., 2007; Ajzen, 1991). Bagi mengkaji perbezaan personaliti antara individu dalam mencorakkan





tekad keusahawanan pelajar pra universiti di Sekolah Sukan Malaysia, lima dimensi personaliti dipilih menggunakan Model Personaliti Lima Utama iaitu ekstrasversi, kesetujuan, kehematan, neurotisisme dan keterbukaan fikiran (Golberg, 1990). Kenyataan ini sesuai dengan pendapat kebanyakan sarjana bahawa lima dimensi utama dalam Model Personaliti Lima Utama cukup untuk menghuraikan struktur personaliti (Maltby, Day, & Macaskill, 2007). Ini dibantu dengan adanya pendedahan pendidikan keusahawanan yang berupaya membentuk personaliti yang sesuai bagi melahirkan usahawan yang berjaya di masa hadapan (Mohammad Ismail et al., 2009).



05

Pengaruh personaliti menjadi penjelasan tingkah laku serta tekad keusahawanan seseorang. Pelajar pra universiti di Sekolah Sukan Malaysia yang ingin melibatkan diri dalam dunia keusahawanan perlu mempunyai personaliti yang menjurus kepada tekad keusahawanan dan seterusnya menjadikan bidang ini sebagai mata pencarian mereka kelak. Kepentingan tekad keusahawanan dalam melahirkan generasi usahawan pasti mendatangkan manfaat kepada masyarakat dan negara (Wilson, Kickul, & Marlino, 2007). Justeru, kajian untuk mengenal pasti personaliti yang mempengaruhi tekad keusahawanan pelajar pra universiti untuk berkecimpung dalam bidang keusahawanan seharusnya dapat membantu bukan hanya pelajar, malahan pihak yang berkepentingan dalam merealisasikan impian negara untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020.





1.3 Pernyataan Masalah

Kadar pengangguran bagi graduan di Malaysia adalah tinggi iaitu sebanyak 23.9% pada tahun 2015 dan 22.7% pada tahun 2016 (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2017). Penawar kepada masalah pengangguran ialah dengan meningkatkan jumlah lulusan pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan sebagai kerjaya (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2016). Demikian ini adalah kerana bidang keusahawanan dilihat sebagai satu kerjaya yang berpotensi untuk mengatasi masalah pengangguran tersebut (Siti Hawa Mohamed Idris, 2009). Namun, bidang keusahawanan ini adalah satu kerjaya yang jarang dipilih sebagai pilihan pertama mereka dalam kalangan pelajar di Malaysia (Norasmah Othman & Salmah Ishak, 2011; Nor Aishah Buang, Ismail Raduan, & Mohamad Husin, 2010).

Tujuan pendidikan bukan hanya setakat memperoleh sijil atau segulung ijazah, tetapi adalah untuk pembangunan diri dan kesepaduan personaliti secara menyeluruh dan seimbang (Jabatan Pengajian Tinggi, 2007). Hal demikian kerana masyarakat yang diimpikan pada masa depan perlu berkualiti dari segi ilmu dan personaliti supaya dapat menghadapi cabaran, pengaruh dan persaingan jati diri bangsa dan negara supaya tidak hanyut dalam arus globalisasi (Unit Perancang Ekonomi, 2010). Personaliti yang serasi dengan keusahawanan perlu digarap untuk kelangsungan dalam bidang keusahawanan terutama bagi pelajar pra universiti di Sekolah Sukan Malaysia kerana mereka berada dalam lingkungan umur remaja iaitu di antara 18 sehingga 25 tahun yang berisiko tinggi





untuk mengidap masalah mental yang boleh mengakibatkan kegagalan dalam akademik (Callender et al., 2016). Ini merupakan kemuncak masalah psikologi kerana usia mereka adalah fasa peralihan dari akhir remaja kepada awal kedewasaan (Newman & Newman, 2009).

Pelajar pra universiti di Sekolah Sukan Malaysia adalah terdiri daripada atlet sukan. Cabaran besar dalam kehidupan atlet pelajar ini adalah tekanan yang berkaitan dengan prestasi sukan, kewangan, kesihatan fizikal dan pengurusan masa (Parsons, 2013; Gilgunn, 2010 dan Gayles, 2009) jika dibandingkan dengan bukan atlet pelajar (Arora, 2015). Malahan, personaliti atlet dengan bukan atlet juga adalah berbeza (Allen, Greenlees, & Jones, 2013). Ini memberi kesan kepada kesediaan atlet pelajar ini untuk meneruskan kehidupan selepas tamat pembelajaran mereka (Houle & Kluck, 2015). Perkara ini perlu dititik beratkan kerana ramai atlet menghadapi masalah apabila penglibatan sukan mereka berakhir dan mereka perlu beralih ke bidang yang berbeza (Samuel & Tenenbaum, 2011). Dapatan statistik menunjukkan bahawa kurang daripada 2% daripada atlet pelajar meneruskan karier dalam bidang sukan secara profesional, dan 98% daripada atlet tidak berkecimpung dalam bidang sukan lagi (Cheney-Rice, 2014). Maka amatlah perlu untuk mewujudkan laluan pekerjaan untuk menyesuaikan personaliti atlet ini supaya menjurus ke bidang keusahawanan (Page, 2015).





Pembentukan tekad keusahawanan perlu diberi perhatian serius kepada pelajar sekolah menengah terutamanya pelajar pra universiti kerana aspirasi kerjaya mula bertapak di hati mereka (Nor Aishah Buang, Raduan Ismail, & Norshidah Hashim, 2010; Wilson et al., 2007) dan juga sebagai sandaran kepada usahawan pada masa kini (Amran Md. Rasli et al., 2013). Sehubungan itu, pelajar perlu dididik supaya mempunyai tekad dalam bidang keusahawanan (Lee, Wong, Foo, & Leung, 2009) secara berterusan sehingga tamat alam persekolahan (Nor Aishah Buang, Raduan Ismail, et al., 2010) kerana keberkesanan tahap tekad keusahawanan pelajar dipengaruhi oleh sistem pendidikan (Walter & Dohse, 2009). Oleh kerana terdapat banyak kajian tentang personaliti dan tekad keusahawanan yang menjurus kepada pelajar universiti, maka perlulah kajian yang memberi fokus kepada atlet pelajar pra universiti di Sekolah Sukan Malaysia.

Berdasarkan kajian Norasmah Othman dan Sumathy Panniappan (2012) dan A. Malach-Pines dan Schwartz (2008), mendapati perbezaan dalam personaliti lelaki dan perempuan memberi kesan kepada tekad keusahawanan dalam menceburi jenis perniagaan tertentu. Ketidakseimbangan jantina yang dilihat agak ketara dengan kaum lelaki lebih memonopoli bidang keusahawanan ini (Muhamad Fadir Ibrahim, 2012). Manakala usahawan wanita kurang menguasai kemampuan dalam bidang ini berbanding usahawan lelaki tetapi bergantung kepada jenis bidang keusahawanan yang diceburi (Bolton & Muzio, 2008; Sweden, 2010). Justeru, kajian perlu dilakukan terhadap





personaliti dan tekad keusahawanan dalam kalangan pelajar pra universiti di Sekolah Sukan Malaysia mengikut jantina.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti hubungan personaliti lima utama dan tekad keusahawanan dalam kalangan pelajar pra universiti di Sekolah Sukan Malaysia. Dalam masa yang sama, kajian ini juga diadakan untuk mengenal pasti perbezaan personaliti lima utama dan tekad keusahawanan berdasarkan jantina bagi pelajar pra universiti di Sekolah Sukan Malaysia.



1.5 Objektif Kajian

1.5.1 Objektif Umum

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengaruh personaliti lima utama terhadap tekad keusahawanan dalam kalangan pelajar pra universiti di Sekolah Sukan Malaysia.





1.5.2 Objektif Khusus

Objektif khusus untuk kajian ini ialah:

1. Mengenal pasti tahap personaliti (ekstraversi, neurotisme, kesetujuan, kehematan dan keterbukaan kepada pengalaman) dalam kalangan pelajar pra universiti di Sekolah Sukan Malaysia.
2. Mengenal pasti tahap tekad keusahawanan dalam kalangan pelajar pra universiti di Sekolah Sukan Malaysia.
3. Mengukur perbezaan personaliti (ekstraversi, neurotisme, kesetujuan, kehematan dan keterbukaan kepada pengalaman) dan tekad keusahawanan pelajar pra universiti di Sekolah Sukan Malaysia berdasarkan jantina.
4. Mengukur hubungan antara personaliti (ekstraversi, neurotisme, kesetujuan, kehematan dan keterbukaan kepada pengalaman) dengan tekad keusahawanan dalam kalangan pelajar pra universiti di Sekolah Sukan Malaysia.
5. Mengenal pasti sumbangan personaliti (ekstraversi, neurotisme, kesetujuan, kehematan dan keterbukaan kepada pengalaman) terhadap tekad keusahawanan dalam kalangan pelajar pra universiti di Sekolah Sukan Malaysia.





1.6 Soalan Kajian

Isu-isu dan persoalan yang diperkatakan dalam bahagian latar belakang termasuk pernyataan masalah telah dirumuskan semula dalam bentuk soalan kajian. Soalan-soalan utama kajian yang dikemukakan adalah seperti berikut:

1. Apakah tahap personaliti (ekstraversi, neurotisme, kesetujuan, kehematan dan keterbukaan kepada pengalaman) dalam kalangan pelajar pra universiti di Sekolah Sukan Malaysia?
2. Apakah tahap tekad keusahawanan dalam kalangan pelajar pra universiti di Sekolah Sukan Malaysia?
3. Apakah tahap perbezaan personaliti (ekstraversi, neurotisme, kesetujuan, kehematan dan keterbukaan kepada pengalaman) dan tekad keusahawanan dalam kalangan pelajar pra universiti di Sekolah Sukan Malaysia berdasarkan jantina?
4. Adakah terdapat hubungan antara personaliti (ekstraversi, neurotisme, kesetujuan, kehematan dan keterbukaan kepada pengalaman) dengan tekad keusahawanan dalam kalangan pelajar pra universiti di Sekolah Sukan Malaysia?
5. Sejauh mana sumbangan personaliti (ekstraversi, neurotisme, kesetujuan, kehematan dan keterbukaan kepada pengalaman) terhadap tekad





keusahawanan dalam kalangan pelajar pra universiti di Sekolah Sukan Malaysia?

1.7 Hipotesis Kajian

Hasil daripada pernyataan masalah dan objektif kajian, hipotesis nul kajian ini adalah:

Ho 1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara personaliti (ekstraversi, neurotisisme, kesetujuan, kehematan dan keterbukaan kepada pengalaman) berdasarkan jantina dalam kalangan pelajar pra universiti di Sekolah Sukan Malaysia.

Ho 2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tekad keusahawanan berdasarkan jantina dalam kalangan pelajar pra universiti di Sekolah Sukan Malaysia.

Ho 3: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti (ekstraversi, neurotisisme, kesetujuan, kehematan dan keterbukaan kepada pengalaman) dengan tekad keusahawanan dalam kalangan pelajar pra universiti di Sekolah Sukan Malaysia.

Ho 4: Tidak terdapat sumbangan yang signifikan antara personaliti (ekstraversi, neurotisisme, kesetujuan, kehematan dan keterbukaan kepada pengalaman) dengan tekad keusahawanan dalam kalangan pelajar pra universiti di Sekolah Sukan Malaysia.

1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian yang dibina bertujuan untuk menerangkan peranan beberapa faktor yang berkaitan dengan personaliti lima utama dan tekad keusahawanan dalam kalangan pelajar pra universiti di Sekolah Sukan Malaysia. Kerangka konsep kajian merujuk pada struktur yang memberikan penjelasan tentang konsep-konsep utama dan hubungan antara konsep tersebut yang menjadi fokus kajian. Zakaria Kasa (2009) menyatakan bahawa, penggunaan model serta teori penting sebagai kerangka rujukan supaya tidak tersasar dalam matlamat penyelidikan di samping menjelaskan kemungkinan faktor seseorang itu bertingkah laku, berperasaan dan berfikir sebegitu. Seterusnya, intervensi dapat dibuat berdasarkan andaian-andaian tersebut.



Terdapat pelbagai jenis model serta teori tentang personaliti dan tekad keusahawanan, penyelidik berusaha untuk mencari teori serta model yang boleh memberikan maklumat kepada pembuat keputusan selaras dengan objektif kajian ini iaitu mencari hubungan personaliti lima utama dan tekad keusahawanan dalam kalangan pelajar pra universiti di Sekolah Sukan Malaysia. Oleh itu, dalam kerangka konseptual kajian, penyelidik memilih Model Personaliti Lima Utama oleh Golberg (1990) dan Teori Tingkah Laku Terancang oleh Ajzen & Fishbein (1980) sebagai panduan bagi melihat personaliti lima utama terhadap tekad keusahawanan dalam kalangan pelajar pra universiti di Sekolah Sukan Malaysia kerana model dan teori tersebut bersesuaian untuk mencapai objektif dan tujuan kajian ini.



Bagi mengenal pasti tahap personaliti terhadap tekad keusahawanan, maka Model Personaliti Lima Utama dipilih kerana berteraskan kajian lepas, faktor-faktor ekstrasveri, kesetujuan, kehematan, neurotisme dan keterbukaan kepada pengalaman dapat menjelaskan 13% aktiviti keusahawanan dan 10% kejayaan keusahawanan (Zhao, Seibert, & Lumpkin, 2010) serta berkait rapat dengan aktiviti keusahawanan dan pengurusan (Brandstatter, 2011). Malahan, Model Personaliti Lima Utama ini dikaji menggunakan pelajar kerana pengesanan awal ke atas tekad keusahawanan akan memberi manfaat serta dapat membantu mereka dalam akademik dan kerjaya (Geldhof et al., 2013; Athayde, 2009; Souitaris et al., 2007).





05

Personaliti yang dibentuk hasil daripada pendidikan yang diterima semasa zaman persekolahan merupakan pengalaman yang amat berharga. Banyak kajian telah dijalankan mengenai ujian personaliti, terdapat satu model empirikal yang diterima umum dalam bidang sains sosial ialah Model Personaliti Lima Utama (Shrivastava, VenuGopal, & Sing, 2010). Model Personaliti Lima Utama adalah suatu pendekatan yang digunakan dalam psikologi untuk melihat keperibadian manusia melalui trait yang tersusun dalam lima dimensi keperibadian yang dibentuk. Ahli-ahli teori personaliti bersetuju mengenai dimensi Model Personaliti Lima Utama iaitu ekstrasversi, kesetujuan, kehematan, neurotisisme dan keterbukaan kepada pengalaman (Oh, Wang, & Mount, 2011; McCrae & Costa, 2003; Costa & McCrae, 1992). Model Personaliti Lima Utama juga adalah item yang sangat berguna dalam menilai perbezaan individu (Singh & Choudhary, 2012).

Model ini bukan sahaja menerangkan ciri-ciri bagi setiap dimensi sahaja tetapi ia menunjukkan perkaitan antara dimensi-dimensi ini dengan kesejahteraan psikologi manusia. Ini adalah penting kerana dengan personaliti yang terhasil daripada Pendidikan Keusahawanan akan dapat membentuk tekad keusahawanan dalam kalangan pelajar pra universiti di Sekolah Sukan Malaysia.



Model Personaliti Lima Utama menjelaskan bahawa faktor ekstraversi mengukur kecenderungan individu berkaitan kemahiran bersosial. Sementara itu faktor kesetujuan berkait dengan kecenderungan individu untuk mudah menerima segala kritikan dan baik hati. Seterusnya, faktor kehematan mengukur sifat bertanggungjawab, disiplin dan keteraturan. Faktor kestabilan emosi atau neurotisme pula mengukur kemahiran individu mengawal tekanan, kebimbangan dan kemurungan. Akhir sekali, faktor keterbukaan kepada pengalaman menjurus kepada cara berfikir seperti kreativiti, sifat ingin tahu dan tidak konvensional (Golberg, 1993; Costa & McCrae, 1985; Cattell, 1943).

 05

Banyak kajian menggunakan Model Personaliti Lima Utama bagi mengkaji faktor psikologi yang mempengaruhi individu terlibat dalam bidang keusahawanan (Saidi Che Ik, 2013; Mohammad Ismail et al., 2009; Kerrick, 2008; Ciavarella, Buchholtz, Riordan, Gatewood, & Stokes, 2004; Vecchio, 2003; Golberg, 1993). Kajian Mohammad Ismail et al., (2009), menyokong terdapat hubungan antara personaliti-personaliti dalam Model Personaliti Lima Utama, faktor-faktor kontekstual dan tekad keusahawanan. Oleh itu, lima pemboleh ubah tidak bersandar dalam kajian ini iaitu ekstraversi, neurotisme, kesetujuan, kehematan dan keterbukaan kepada pengalaman digunakan untuk mengkaji hubungan personaliti tersebut dengan tekad keusahawanan dalam kalangan pelajar pra universiti di Sekolah Sukan Malaysia.



Manakala Teori Tingkah Laku Terancang digunakan dalam kajian ini kerana teori ini dianggap sebagai rangka kerja yang paling berpengaruh untuk meramal tingkah laku seseorang (Ajzen & Cote, 2008). Hal ini adalah kerana tekad seorang untuk cuba melakukan sesuatu tingkah laku yang diminatinya menjadi peramal terbaik terhadap tingkah laku yang telah dirancang atau yang akan dilakukan (Ajzen & Fishbein, 1980) serta merupakan faktor teras dalam menjayakan bidang keusahawanan (Ajzen, 1988). Bird (1988), mendefinisikan tekad keusahawanan sebagai keadaan minda yang mengarahkan niat serta tindakan seseorang terhadap keusahawanan. Maka, pembabitan seseorang dalam bidang keusahawanan diklasifikasikan sebagai tingkah laku yang disengajakan (Bird, 1988; Shapero, 1982) dan niat sebagai peramal tingkah laku keusahawanan (Krueger, 1993) serta akan mempengaruhi aktiviti keusahawanan (Guerrero, Rialp & David, 2008).

Dalam Teori Tingkah Laku Terancang terdapat tiga pemboleh ubah membentuk tekad yang mendorong kepada tingkah laku yang akan dilakukan iaitu sikap subjek terhadap sesuatu tingkah laku, norma subjektif atau persepsi terhadap pandangan orang yang rapat terhadap tingkah laku yang dimaksudkan dan tingkah laku kawalan tertanggap atau persepsi subjek terhadap tahap kesukaran untuk melakukan tingkah laku tersebut (Krueger, Reily & Casrud, 2000; Kolvereid, 1996 ; Krueger, 1993; Ajzen, 1991). Tingkah laku yang dimaksudkan merujuk kepada penubuhan perniagaan baharu (Robledo, Aran, Victor, & Molina, 2015). Manakala, profil demografi pelajar iaitu





jantina juga akan dikaji untuk melihat perbezaan personaliti pelajar sama ada lelaki atau perempuan terhadap tekad mereka untuk menjadi usahawan.

Faktor tekad keusahawanan dipilih sebagai pemboleh ubah bersandar manakala faktor personaliti ekstrasversi, kesetujuan, kehematan, neurotisme dan keterbukaan kepada pengalaman menjadi pemboleh ubah tidak bersandar dalam kajian ini. Tekad keusahawanan dipilih sebagai pemboleh ubah bersandar bertujuan untuk melihat tahap kesedaran minda yang mengajak kepada penumpuan, pengalaman dan tingkah laku pelajar untuk menjadi usahawan. Manakala faktor personaliti lima utama dijadikan pemboleh ubah tidak bersandar untuk melihat personaliti yang dominan dalam kalangan pelajar pra universiti di Sekolah Sukan Malaysia.

Kerangka konseptual kajian menunjukkan bahawa hubungan personaliti iaitu ekstrasversi, neurotisme, kesetujuan, kehematan dan keterbukaan kepada pengalaman dengan tekad keusahawanan dalam kalangan pelajar pra universiti di Sekolah Sukan Malaysia. Anak panah dalam rajah menggambarkan adanya hubungan pemboleh ubah tidak bersandar dengan pemboleh ubah bersandar. Rajah 1.1 di bawah menggambarkan kerangka konseptual kajian ini secara menyeluruh.





Rajah 1.1. Kerangka konseptual kajian yang diadaptasikan daripada Model Personaliti Lima Utama (Costa & McCrae, 1985) dan Teori Tingkah Laku Terancang (Ajzen, 1991; Ajzen & Fishbein, 1980)

Kajian ini diharap dapat memberi sumbangan ilmiah dan manfaat pihak tertentu terutamanya Kementerian Pendidikan Malaysia, tenaga pengajar bidang Teknik dan Vokasional, pentadbir sekolah serta pelajar, masyarakat serta bakal penyelidik. Objektif utama kajian ini untuk menyelidik personaliti lima utama dan tekad keusahawanan dalam kalangan pelajar pra universiti di Sekolah Sukan Malaysia.

Pendedahan Pendidikan Keusahawanan sewajarnya mempunyai pengaruh signifikan terhadap tekad keusahawanan dalam kalangan pelajar yang telah mendapat pendedahan pendidikan tersebut berbanding dengan pelajar yang tidak mendapat pendedahan pendidikan ini. Namun sejauh mana pengaruh pendedahan Pendidikan Keusahawanan serta tekad dan personaliti terhadap kecenderungan menceburi bidang



keusahawanan masih menjadi persoalan. Oleh itu, hasil kajian ini dapat memberi pandangan baharu terhadap pengaruh Pendidikan Keusahawanan dalam membentuk personaliti dan tekad keusahawanan pelajar.

1.9.1 Kementerian Pendidikan Malaysia

Hasil kajian ini diharapkan mendapat perhatian daripada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia agar mempertingkatkan lagi usaha dalam menggalakkan pelajar sekolah untuk menceburi bidang keusahawanan. Ia juga boleh dijadikan sebagai garis panduan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dalam membuat dasar bagi menggalakkan perkembangan Pendidikan Keusahawanan dan seterusnya meningkatkan penglibatan pelajar dalam aktiviti keusahawanan di sekolah. Bagi penggubal kurikulum keusahawanan di bahagian Kementerian Pendidikan Malaysia, hasil kajian ini boleh memberi panduan agar kurikulum yang diimplementasikan dapat menggabung jalinkan elemen yang boleh meningkatkan ciri-ciri keusahawanan pelajar, memberi keyakinan dan kepercayaan kepada pelajar bahawa mereka mampu membuka perniagaan sendiri pada masa akan datang.





1.9.2 Tenaga Pengajar Bidang Teknik dan Vokasional

Tenaga pengajar yang mengajar mata pelajaran di bawah bidang Teknik dan Vokasional mempunyai peranan penting dalam menjana pelajar untuk memilih kerjaya sebagai usahawan apabila menamatkan pengajian mereka nanti. Hasil daripada dapatan kajian ini, tenaga pengajar dapat mengenal pasti faktor-faktor yang boleh mempengaruhi tekad pelajar untuk menjadi usahawan serta dapat membentuk personaliti mereka sebagai seorang usahawan. Sehubungan itu, tenaga pengajar boleh menyediakan perancangan dan strategi pengajaran yang berkesan bagi merangsang serta meningkatkan minat pelajar terhadap kerjaya sebagai usahawan. Tenaga pengajar juga boleh memberi rangsangan kepada pelajar mengenai kebaikan bidang keusahawanan. Ini secara tidak langsung akan dapat membantu para pelajar agar dapat membina keyakinan diri untuk menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan.

1.9.3 Pentadbir Sekolah

Kajian ini juga dapat memberi panduan kepada pentadbir sekolah agar dapat memberi penekanan kepada aspek-aspek yang boleh meningkatkan tekad keusahawanan pelajar dalam merancang serta melaksanakan perancangan strategik sekolah. Kajian ini dapat





membantu pihak pentadbiran dan pengurusan sekolah dalam mengenal pasti strategi dari semasa ke semasa bagi memantapkan lagi pengurusan koperasi sekolah agar lebih bersifat demokratik, adil, saksama dan telus.

1.9.4 Pelajar

Pada masa kini, kerajaan begitu menggalakkan setiap rakyat untuk menjadi usahawan tanpa bergantung kepada bekerja makan gaji semata-mata, maka arah kecenderungan dan minat terhadap bidang keusahawanan sepatutnya sudah bermula seawal mereka di sekolah menengah lagi. Oleh itu, melalui kajian ini diharapkan agar pelajar dapat diasuh dengan pendidikan yang berkesan dalam subjek keusahawanan supaya mempunyai personaliti dan tekad yang mengarahkan kepada bidang keusahawanan sebagai pilihan kerjaya mereka kelak.

1.9.5 Masyarakat

Masyarakat umum boleh menggunakan dapatan kajian ini sebagai panduan untuk meneroka maklumat berkaitan kerjaya usahawan dan seterusnya memberi sokongan dan galakan kepada anak-anak mereka serta sesiapa sahaja yang bertekad menceburi kerjaya



sebagai usahawan. Kajian ini juga diharapkan agar dapat dijadikan panduan kepada ibu bapa supaya mereka akan lebih mengambil berat tentang sikap dan minat yang dimiliki oleh anak-anak mereka. Di samping itu, berusaha untuk mendapatkan sesuatu yang terbaik untuk masa depan anak-anak. Selain itu ibu bapa juga boleh bersama-sama mencari peluang bagi meluaskan lagi pemikiran anak-anak dalam menggalakkan minat untuk berkecimpung dalam bidang keusahawanan.

1.9.6 Bakal Penyelidik

Akhir sekali, diharapkan kajian ini dapat menarik minat dan inisiatif penyelidik lain untuk mendalami objektif-objektif kajian bagi meningkatkan kebolehpercayaan dan kesahan. Secara ringkasnya, para penyelidik boleh menggunakan dapatan kajian ini sebagai input mereka untuk menjana teori dan pendekatan yang lebih sesuai dalam dunia pendidikan.



1.10 Definisi Operasional

Dalam kajian ini, terdapat beberapa istilah berikut diberikan definisi secara konsep dan operasional;

1.10.1 Tekad Keusahawanan

Zaidatul Akmaliah Lope Pihie dan Hishamuddin Hassan (2010) mentakrifkan tekad sebagai situasi pemikiran yang mengajak penumpuan, pengalaman dan tingkah laku seseorang kepada sesuatu objektif yang spesifik. Usahawan boleh ditakrifkan sebagai individu yang memperoleh atau mempamerkan sifat-sifat, kebolehan dan keupayaan untuk mengenali peluang dengan berkesan, meramalkan risiko dalam memulakan perniagaan serta mengatasi segala halangan-halangan (Wright & Quick, 2011). Dalam konteks kajian ini, tekad keusahawanan didefinisikan sebagai niat atau keazaman yang kuat dalam kalangan pelajar pra universiti serta bagaimana mereka bersedia serta berusaha untuk berkecimpung dalam bidang keusahawanan.

1.10.2 Jantina

UNESCO (2014) menyatakan bahawa gender atau jantina merujuk kepada peranan dan tanggung jawab lelaki dan perempuan yang diciptakan dalam keluarga, masyarakat dan budaya sosial mengikut norma-norma dan nilai-nilai mengenai peranan masing-masing.



Gender ialah suatu konsep budaya yang berupaya membuat pembezaan dalam hal peranan, tingkah laku, corak pemikiran dan ciri-ciri personaliti antara lelaki dan perempuan. Status jantina dalam kajian ini merujuk kepada jantina para responden iaitu lelaki dan perempuan dengan mengkaji perbezaan antara jantina, penyelidik mengetahui sama ada terdapat perbezaan dalam aspek tekad keusahawanan dan personaliti dengan status jantina.

1.10.3 Personaliti

Personaliti adalah sifat tunggal dipamerkan oleh individu yang ditakrifkan kerana interaksi dinamik dengan alam sekitar (Cervone & Pervin, 2008). Pejuang teori personaliti iaitu, Allport (1961), menyatakan bahawa personaliti ialah organisasi dinamik dalam sistem psiko fizikal iaitu minda dan jasad seseorang yang mencorakkan ciri-ciri tingkah laku, pemikiran dan perasaannya setiap individu yang menentukan personaliti dan pemikiran mereka. Cattell (1943), menyatakan bahawa personaliti ialah sesuatu yang boleh meramal tindakan seseorang dalam sesuatu keadaan. Definisi personaliti tersebut melibatkan semua jenis tingkah laku sama ada yang nyata mahupun yang tersembunyi. Dalam kajian ini, personaliti ialah ciri-ciri dan tingkah laku yang memerlukan penyesuaian unik dalam kehidupan setiap individu, termasuklah minat, dorongan, nilai, konsep sendiri, kebolehan dan perasaan.



1.10.3.1 Ekstraversi

Menurut Robbins & Judge (2015), dimensi ekstraversi merujuk kepada tahap penyelesaian seorang dengan perhubungan sesama manusia. Individu yang mempunyai dimensi ekstraversi cenderung untuk menjadi seorang yang suka berkawan, pandai bergaul tetapi tegas. Sementara lawan perkataan ekstraversi ialah introversi. Individu yang mempunyai dimensi introversi cenderung untuk tidak banyak bercakap, pemalu serta menyendiri. (Robbins & Judge, 2015). Dalam kajian ini, dimensi ekstraversi merujuk kepada individu yang gemar bersosial, cepat mesra, aktif dan mudah bergaul.



05

1.10.3.2 Kesetujuan

Dimensi kesetujuan merujuk kepada kecenderungan individu untuk menurut perlakuan individu yang lain. Individu yang mempunyai tahap kesetujuan yang tinggi adalah individu yang senang bertolak ansur, pendengar yang baik, sabar dan tenang (Caliendo & Kritikos, 2007) sedangkan individu yang mempunyai tahap kesetujuan yang rendah adalah individu yang dingin, cepat marah dan suka bermusuhan (Robbins & Judge, 2015). Dalam kajian ini, dimensi kesetujuan digambarkan dengan ciri-ciri seperti baik hati, mempunyai perasaan belas kasihan, mesra, tidak kedekut dan boleh dipercayai.





1.10.3.3 Kehematan

Dimensi kehematan adalah ukuran kebolehpercayaan. Seseorang yang sangat teliti bertanggungjawab, teratur serta boleh diharapkan secara berterusan. Mereka yang menunjukkan tahap yang rendah pada dimensi ini adalah individu yang mudah terganggu, tidak teratur, dan tidak boleh dipercayai (Yong, 2007; Robbins & Judge, 2015). Dalam kajian ini, dimensi kehematan ialah kecenderungan untuk hidup teratur, bertanggungjawab, memiliki etika kerja yang baik, boleh dipercayai dan tabah.



1.10.3.4 Neurotisme

Neurotisme adalah faktor personaliti yang mengukur kestabilan emosi dan penyesuaian peribadi dengan persekitaran. Menurut Robbins dan Judge (2015), individu yang mempunyai kestabilan emosi yang positif cenderung untuk menjadi tenang, yakin pada diri sendiri, dan selamat. Mereka yang mempunyai skor negatif yang tinggi cenderung untuk menjadi gementar, cemas, tertekan, dan tidak selamat. Dalam kajian ini, neurotisme merujuk kepada individu yang mempunyai ciri-ciri seperti gelisah, tegang, sugul dan mudah marah yang berlawanan dengan individu yang mempunyai emosi yang stabil.





1.10.3.5 Keterbukaan kepada Pengalaman

Keterbukaan kepada pengalaman merujuk kepada individu yang tertarik dengan sesuatu yang baharu, kreatif, mempunyai sifat ingin tahu, artistik serta sensitif dan juga suka menimba pengalaman-pengalaman baharu (Robbins & Judge, 2015). Dalam kajian ini, dimensi keterbukaan kepada mempunyai kecenderungan dalam mencari pengalaman, mempunyai sifat ingin tahu serta berfikiran luas.



1.11 Batasan kajian

Kajian yang akan dijalankan mempunyai beberapa batasan yang menghadkan dapatan kajian. Antara batasan kajian tersebut adalah:

- a) Kajian ini bersifat tinjauan. Ia tertumpu kepada tekad keusahawanan dalam kalangan pelajar pra universiti dan hubungannya dengan beberapa pemboleh ubah yang dikenal pasti berdasarkan perbincangan mengenai Teori Tingkah Laku Terancang dan Model Personaliti Lima Utama yang dikemukakan;
- b) Pemboleh ubah bebas dalam kajian ini adalah terhad kepada tujuan kajian ini;





- c) Populasi kajian ini terbatas kepada para atlet pelajar pra universiti di tiga buah Sekolah Sukan Malaysia iaitu Sekolah Sukan Bukit Jalil (SSBJ), Kuala Lumpur, Sekolah Sukan Tengku Mahkota Ismail (SSTMI), Bandar Penawar, Johor dan Sekolah Sukan Pahang (SSMP), Gambang, Pahang;
- d) Di samping itu, hanya satu kaedah sahaja yang digunakan untuk mengumpul data iaitu dengan mengedarkan borang soal selidik kepada responden. Oleh itu, data adalah terhad kepada item-item yang dikemukakan dalam soal selidik menurut persepsi responden iaitu pelajar pra universiti di Sekolah Sukan Malaysia;
- e) Dapatan kajian adalah bergantung kepada kejujuran responden menjawab pernyataan dalam borang soal selidik;
- f) Selain itu, kajian ini terbatas dari segi kekangan masa kerana ia perlu dijalankan dalam tempoh yang terhad dan mengikut kalendar akademik Sekolah Sukan Malaysia yang dikaji.



1.12 Rumusan

Kepentingan bidang keusahawanan sememangnya tidak dapat dipertikaikan lagi. Bidang keusahawanan memberi sumbangan yang besar terhadap ekonomi sesebuah negara. Kebanyakan negara-negara maju seperti Hong Kong dan negara Eropah memberi tumpuan dalam mengembangkan aktiviti keusahawanan bagi menjana pendapatan negara



sekali gus dapat mengurangkan kadar pengangguran. Laporan statistik industri kecil dan sederhana di Malaysia turut menunjukkan peningkatan pendapatan negara dan pertambahan peluang pekerjaan menerusi aktiviti keusahawanan. Justeru, usaha menarik minat generasi baharu dalam bidang keusahawanan bagi memastikan bidang keusahawanan menyumbang secara berterusan dalam ekonomi negara.

Perkembangan ekonomi sesebuah negara yang mempunyai ramai usahawan adalah lebih maju. Kajian lepas menunjukkan langkah untuk melahirkan usahawan harus bermula dengan membentuk tekad keusahawanan dalam diri pelajar. Kecenderungan keusahawanan merupakan inti pati penting penglibatan individu dalam bidang keusahawanan. Sikap dan personaliti dikenal pasti faktor yang mempengaruhi tekad keusahawanan pelajar. Dasar pelaksanaan Pendidikan Keusahawanan dalam kalangan pelajar terutamanya pelajar pra universiti sewajarnya dapat melahirkan individu yang berpotensi dan cenderung dalam bidang keusahawanan.

Namun begitu, sejauh mana personaliti lima utama berupaya mempengaruhi tekad keusahawanan dalam kalangan pelajar pra universiti di Sekolah Sukan Malaysia masih menjadi persoalan. Sehubungan itu, kajian ini mengkaji pengaruh personaliti ektraversi, personaliti neurotisisme, personaliti kesetujuan, personaliti kehematan dan personaliti keterbukaan fikiran terhadap tekad keusahawanan. Selain itu, pengaplikasian pemboleh ubah yang terdapat dalam Teori Tingkah Laku Terancang dan Model Personaliti Lima



Utama dapat memberi pandangan terhadap personaliti yang mempengaruhi pembentukan tekad keusahawanan.

Secara keseluruhannya, bab ini membincangkan tentang kajian yang dijalankan oleh penyelidik. Bab ini juga meliputi pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, hipotesis kajian, kerangka konseptual kajian, kepentingan kajian, definisi operasional dan batasan kajian disertakan. Teori-teori serta model berkenaan dengan konsep personaliti dan konsep tekad keusahawanan akan dibincangkan dalam bab yang seterusnya.

